

14 FEB 1996

MAHATHIR LAWAT NEW ZEALAND BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan rasmi ke New Zealand pada 25 hingga 29 Mac atas jemputan Perdana Menteri negara itu, James Bolger.

Dr Mahathir akan diiringi oleh isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, beberapa Menteri Kabinet, Timbalan Menteri, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta rombongan daripada pihak swasta dan media massa.

Menurut kenyataan Wisma Putra, Perdana Menteri dijangka mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatan beliau mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa kepentingan bersama.

Kali terakhir Dr Mahathir melawat New Zealand ialah semasa menghadiri mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Auckland pada November lepas.

Kenyataan itu berkata Malaysia mempunyai hubungan dua hala yang erat dengan New Zealand. -- BERNAMA

MOK NMO